

Loji biodiesel terbesar Malaysia beroperasi Jun 2008

Oleh KAMARULZAIDI KAMIS

KUALA LUMPUR 3 Okt. – Syarikat pengeluaran biofuel, Myfuel Ltd. (Myfuel) menjangka dua loji biodiesel terbesar di Malaysia yang bernilai RM160 juta akan mula beroperasi pada Jun tahun depan.

Myfuel yang berpangkalan di New Jersey, Amerika Syarikat (AS) menerusi dua anak syarikatnya, Biodiesel SP Sdn. Bhd. dan Biodiesel LD Sdn. Bhd., sedang membina dua loji yang mampu menghasilkan 350,000 tan metrik biodiesel setahun.

Pengarah Urusan Myfuel, George Joukador berkata, kedua-dua loji berkenaan dengan keupayaan pengeluaran 100,000 tan metrik dan 250,000 tan metrik biodiesel itu mampu menghasilkan methyl-ester daripada minyak sawit, Jetropha dan soya.

“Pihak kami menetapkan sasaran untuk mengeksport produk kami ke Eropah, Australia, Singapura dan AS.

“Kedua-dua loji tersebut akan menjana hasil sulung bernilai RM200 juta dalam tempoh setahun setelah siap sepenuhnya, selain mampu menjana modal pusingan syarikat melebihi RM1 bilion setahun,” katanya pada sidang

media di sini hari ini.

Myfuel memeterai perjanjian pajakan selama 30 tahun dengan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) bagi tanah seluas 3.2 hektar dengan upacara pecah tanah disempurnakan pada Jumaat lalu.

Pembinaan loji tersebut akan dilakukan oleh kontraktor terkemuka, Fine Matrix Projects Sdn. Bhd., manakala peralatan bagi penghasilan methyl-ester daripada minyak sawit diimport daripada syarikat Eropah, Desmet Ballestra.

Joukador berkata, kedua-dua anak syarikat Myfuel itu telah memperoleh lesen pengeluaran biodiesel daripada kerajaan Malaysia

pada akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Menurut beliau, pihaknya tidak menjangka sebarang gangguan bagi meneruskan projek itu kecuali jika harga minyak sawit mentah (MSM) naik terlalu tinggi sehingga menjadikan perniagaan menghasilkan biodiesel tidak menguntungkan.

“Peningkatan minyak mentah tentunya merupakan cabaran utama bagi kami,” tambah Jourkador.

Katanya, prospek jangka panjang bagi biodiesel adalah cerah dan Myfuel menjangka harga MSM akan stabil sekitar RM1,900 hingga RM2,000 setan metrik pada tahun depan.